Keputusan saya diperkukuhkan lagi oleh kes *Government of Malaysia v. Mohamed Amin b Hassan* [1986] 1 MLJ 224 dimana Lee Hun Hoe, Hakim Besar (Borneo) [pada waktu itu] di muka surat 228, berkata:

> Clearly the Court has no power to resuscitate an action which must fail in limine upon a plea of limitation. [Sila lihat juga kes *Lee Lee Cheng v. Seow Peng Kwang* [1958] MLJ 271].

Berpandukan alasan-alasan yang diberi diatas saya telah menolak permohonan pihak defendan dengan memberi kos kepada pihak plaintif.

WONG POW

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' WAN ADNAN BIN ISMAIL H.
[SAMAN PEMULA NO.R2-24-41-93]
27 SEPTEMBER 1993

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Kediaman terhad - Waran tangkap dan tahan - Samada ada kelewatan melaksanakan penangkapan - Samada kelewatan munasabah - Perintah sekatan - Samada syarat-syarat telah dipenuhi - Akta Kediaman Terhad ss. 2(i) & (ii), 2A(i); Interpretation and General Clauses Ordinance 1948, s. 38.

Pemohon di atas telah ditangkap pada 1 Jun 1992 di bawah waran yang dikeluarkan pada 4 Oktober 1988. Dia telah dibawa ke penjara dan di bawah s. 2A(i) dan 2(ii) Akta Kediaman Terhad 1933 (AKT) Perintah Sekatan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 17 Jun 1992, dia telah dibebaskan di bandar Kemaman.

Permohonan di hadapan Mahkamah adalah untuk pengisytiharan bahawa perintah di bawah AKT itu adalah salah di sisi undang-undang dan/atau tidak mematuhi undang-undang dan / atau tidak sah. Alasan-alasan yang dibentangkan adalah bahawa:

1) Terjadi kelewatan selama hampir 4 tahun dari tarikh waran dikeluarkan dan tarikh penangkapan. Ini adalah melanggari s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948.

2) Pemohon tidak ditanya di mana dia hendak tinggal di Bandaran Kemaman dan ini melanggari s. 3(i) AKT.

Diputuskan:

[1] Kelewatan di dalam kes ini berlaku di antara tarikh waran dikeluarkan dan tarikh ia dilaksanakan. Ianya menjadi beban responden menunjukkan kelewatan itu adalah munasabah dalm keadaan kes tertentu.

Penjelasan yang diberi oleh polis adalah bahawa maklumat di hantar memberitahu

pemohon berada pada mulanya di Bentong dan kemudiannya di Sabah. Polis telah bertindak tetapi tidak dapat mengesannya. Bantuan Imigrasen telah diperolehi dan hanya pada 1992 Jun pemohon dikesan dan ditangkap di Lapangan Terbang Subang. Polis telah bertindak serta-merta setelah mendapat maklumat pemohon berada di Lapangan Terbang Subang. Kelewatan terdahulu dalam keadaan sedemikian adalah munasabah.

[2] Mahkamah mempercayai keterangan pegawai penjara yang beliau telah menyoal si pemohon di mana dia hendak tinggal tetapi si pemohon tidak dapat menamakan satu tempat penginapan di tempat sekatan. Untuk perbuatan memberitahu terma-terma perintah dan serahan salinan perintah kepada pemohon,tempat disediakan di belakang perintah supaya penyoal boleh mengesahkan ia telah melakukan kegiatan-kegiatan ini. Pegawai penjara tidak mengesahkan perbuatan menyoal tentang tempat kediaman kerana tempat tidak disediakan untuk pengesahan. Sebaik-baiknya tempat patut disediakan. Mahkamah berpendapat pemohon ada ditanya tetapi tidak ingin beritahu dan telah bercadang tinggal di hotel.

[*Permohonan ditolak dengan kos*].

Kes-kes yang dirujuk:
*Lai Poh Kim v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & 3 Ors [1992] 1 CLJ 151(**dirujuk**)*
*Phua Hing Lai and 3 Ors. v.Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri and 3 Ors [1990] 1 CLJ 420 (**dirujuk**)*

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kediaman Terhad 1933, ss. 2A (i) & 2 (ii)
Interpretation and General Clauses Ordinance 1948, s. 38

Bagi pihak pemohon - T/n. Morthi Segaran & Co.
Bagi pihak responden - Noorbahri Bin Baharuddin (Peguam Kanan Persekutuan)

ALASAN PENGHAKIMAN

Wan Adnan bin Ismail H:
Ini adalah satu permohonan untuk satu pengisytiharan bahawa perintah dibawah s.2A (i) Akta Kediaman Terhad 1933 (Akta itu) bertarikh 17 Jun 1992 yang dibuat terhadap pemohon adalah salah di sisi undang-undang dan/atau tidak mematuhi undang-undang dan/atau tidak sah.

WARAN TANGKAP DAN TAHAN terhadap pemohon dibawah s.2 (i) Akta itu telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 4 Oktober 1992. Pemohon ditangkap pada 1 Jun 1992. Berikutan daripada itu perintah-perintah dibawah s2 (ii) dan s.2A (i) telah dikeluarkan oleh Timbalan Menteri pada 17 Jun 1992. Pemohon telah diperintah tinggal di Bandaran Kemaman, Daerah Kemaman Terengganu selama 3 tahun. Dia juga ditempatkan dalam pengawasan polis dalam tempoh tersebut.

Alasan yang pertama ialah peruntukan s. 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 tidak dipatuhi. Peruntukan itu berbunyi -

> 38. Where no time is prescribed or allowed within which anything shall be done, such thing shall be done with all convenient speed and as often as the prescribed occasion arises.

Adalah dihujahkan oleh peguam Pemohon bahawa Pemohon hanya ditangkap pada 1 Jun 1992 dibawah waran yang dikeluarkan pada 4 Oktober 1988. Telah ada kelewatan selama hampir empat tahun.

Saya telah dirujukkan oleh peguam pemohon kepada kes *Lai Poh Kim v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & 3 Ors* [1992] 1 CLJ 151. Dalam kes itu waran tangkap dikeluarkan pada 15 Jun 1988. Dia ditangkap pada 22 Jun 1988. Perintah Menteri di bawah s. 2 (ii) Akta itu dibuat pada 19 Julai 1988. Daripada tarikh tangkap sehingga 19 Julai 1988 pemohon telah ditahan di penjara. Y.A. Hakim perintah-

> I hold that the Deputy Minister had, under the circumstances, not acted with all convenient speed in making the restriction order under s. 2(ii) of the Enactment which renders the detention of the plaintiff at Pulau Pinang Prison for the relevant period unlawful.

Ada perbezaan diantara kes itu dan kes sekarang. Dalam kes itu kelewatan ialah di antara tarikh tangkap dan tarikh perintah dibuat. Sementara itu pemohon ditahan di penjara. Dalam kes sekarang kelewatan ialah di antara tarikh waran dikeluarkan dan tarikh waran dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, tindakkan segera hendaklah diambil. Mahkamah Agung dalam kes *Phua Hing Lai and 3 Ors. v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri and 3 Ors* [1990] 1 CLJ 420 telah berkata-

> It can immediately be observed that there is no time frame given in s. 3 (i) of the Enactment. Since no time is prescribed then according to s.38 of the Intepretation and General Clauses Ordinance, 1948 (similar provision also found in s. 54(2) of the Interpretation Act 1967), then anything which shall be done shall be done with all convinient speed.

Mahkamah Agung itu seterusnya berkata-

> Whoever caused the delay must explain; and it is for the court to decide whether the delay is reasonable under the circumstances.

Tidak dinafikan telah berlaku kelewatan dalam melaksanakan waran tangkap bertarikh 4 Oktober 1988. Oleh itu adalah menjadi beban responden untuk menunjukkan bahawa kelewatan itu adalah munasabah dalam keadaan.

Kelewatan itu telah dijelaskan oleh Ketua Inspektor Koh Siang Bong dalam afidavitnya bertarikh 10 Ogos 1993 (Enc.18). Dia kata:-

> 5. Mengikut rekod yang terdapat di dalam kes fail plaintif, pihak polis telah menerima Waran Tangkap dan Tahan pada 4 Oktober 1988. Pada 15 Oktober 1988, waran tersebut telah diserahkan kepada Ketua Polis Daerah Bentong untuk menangkap plaintif kerana pihak Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mendapat maklumat bahawa plaintif sedang menjalankan aktiviti pinjaman wang secara haram di kawasan sekitar daerah Bentong, Pahang.
>
> 6. Walau bagaimanapun, plaintif tidak dapat dikesan dan oleh yang demikian, waran tangkap tidak dapat dilaksanakan. Waran tersebut kemudiannya dihantar balik ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Lebih kurang pada bulan November 1988, Ibu Pejabat Polis mendapat maklumat bahawa plaintif dipercayai sedang berada di Sabah dan langkah-langkah telah diambil untuk menahan dan menangkap plaintif.
>
> 7. Pada 1 Jun1992, pihak Imigeresen telah mengesan plaintif di Lapangan Terbang Subang dan dengan serta-merta telah memberitahu pihak polis. Di atas arahan Timbalan Penolong Pengarah Cawangan Pencegah Kongsi Gelap, Bukit Aman, Kuala Lumpur saya telah mengetuai sepasukan polis ke Lapangan Terbang Subang dan seterusnya telah menangkap plaintif.

Penjelasan itu menunjukkan bahawa kelewatan berlaku kerana pihak polis ada maklumat yang pemohon berada di Sabah. Langkah-langkah telah diambil untuk menahan dan menangkap Pemohon. Bantuan pihak Imigeresan telah dipohon dan hanya pada 1 Jun 1992 pihak Imigeresan telah mengesan Pemohon di Lapangan Terbang Subang. Dengan maklumat itu pihak polis telah bertindak serta-merta menangkap pemohon.

Saya terima penjelasan itu dan dapati bahawa kelewatan melaksanakan waran tangkap adalah dalam keadaan kes ini.

Alasan kedua Pemohon ialah dia tidak ditanya di mana dia hendak tinggal di Bandaran Kemaman.

Seksyen 3(i)Akta itu berbunyi:

> 3 (i) When any such order as is referred to in s. 2(ii) or s. 2A has been made with reference to any person, he shall be taken before the Officer in Charge of the prison in which he is detained and the Officer in Charge shall inform him of the terms of the order and shall deliver to him a copy thereof and shall require him to state the place in which, consistently with the terms of the order, he desires in the immediate future to reside.

Di bawah seksyen ini tiga perkara perlu dilakukan oleh Pegawai Menjaga Penjara yang berkenaan selepas orang yang berkenaan dibawa di hadapannya:

> (i) hendaklah beritahu orang itu terma-terma perintah;
>
> (ii) hendaklah serahkan kepadanya satu salinan perintah itu; dan
>
> (iii) hendaklah meminta dia nyatakan tempat dia berhasrat untuk tinggal.

Dalam kes ini Pegawai Penjara yang bertindak ialah Narander Singh a/l Chand Singh, Timbalan Penguasa, Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Dalam afidavitnya Enc.(10) dia kata-

> 4. Merujuk kepada afidavit plaintif, beliau telah dibawa masuk ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur pada 1 Jun 1992. Pada 17 Jun 1992,

saya telah menerima perintah sekatan di bawah s. 2A (i) Akta Kediaman Terhad (1933) terhadap WONG POW. Saya telah memberitahu dan menerangkan syarat-syarat yang terkandung didalam perintah-perintah tersebut di dalam Bahasa Malaysia yang mudah difahami kepada plaintif dan plaintif mengakui memahami apa yang saya terangkan. Saya telah bertanya kepada plaintif mengenai tempat sekatannya. Beliau tidak dapat menyatakan tempat ia akan tinggal ditempat sekatannya. Seterusnya saya telah menyerahkan satu (1) salinan perintah-perintah tersebut kepada plaintif menurut s. 3 (i) Akta Kediaman Terhad (1933).

5. Pada 17 Jun 1992, saya menyerahkan plaintif dan Warrant of Release kepada pihak polis untuk pihak polis mengiringi plaintif dan dilepaskan di tempat tersebut seperti yang dikehendaki dibawah s. 3(ii) Akta Kediaman Terhad. Warrant of Release tersebut adalah dilampirkan dan ditandakan sebagai "NSCS 1.

Peguam pemohon berhujah adalah nyata pertanyaan itu tidak dibuat oleh Narander Singh kerana kalau dia buat tentu sekali dia tuliskan perbuatannya itu di belakang perintah itu (Ex. MJMA-4 Enc.9) seperti yang dibuat bagi perbuatannya yang lain iaitu memberitahu terma-terma perintah itu dan menyerah satu salinan perintah itu kepada pemohon. Selajutnya adalah dihujahkan bahawa kalaulah benar pemohon boleh faham Bahasa Malaysia yang digunakan oleh Narander Singh mengapa pula digunakan Zainal bin Mustaffa untuk menerangkan lagi kepada Pemohon. Mengikut peguam, pemohon tidak fasih dalam Bahasa Malaysia. Oleh sebab itu Waran Tangkap dan Tahan dan Alasan-Alasan Menangkap (Ex.MJMA-1 dan MJMA-2 dalam Enc.(9)) telah diterangkan oleh Inspektor Koh Siang Bong dalam Bahasa Malaysia kepada pemohon dan diterjemahkan dalam Bahasa Kantonis oleh D.P.C Tan Loon Chuan. Mengikut peguam lagi, pemohon ada waris yang boleh urus tempat tinggal yang dia tinggal sekarang (1 Ogos 1993) sekiranya dia ditanya dan tidaklah perlu dia tinggal di Hotel selama 4 hari mulai 17 Jun 1992 (Afidavit isteri pemohon bertarikh 1 Ogos Enc.15 para 5).

Saya percaya dan tidak ragu bahawa Narander Singh telah tanya pemohon tempat tinggal yang pemohon ingin tinggal di Kemaman tapi pemohon tidak nyatakan tempat itu. Dakwaan bahawa dia tidak fasih Bahasa Malayia sehingga tidak boleh faham soalan yang mudah seperti "Di mana mahu tinggal?" tidak boleh diterima. Perintah bertarikh 17 Jun 1992 (Ex.MJMA-3 dan MJMA-4) telah dibaca kepadanya oleh Narander Singh dan diterangkan oleh Zainal dalam Bahasa Malaysia. Pemohon akui memahami sepenuhnya. Kegunaan Zainal oleh Narander Singh untuk menerangkan kepada pemohon terma-terma perintah bukanlah bererti Bahasa Malaysia yang digunakan oleh Narander Singh (setakat untuk bertanya pemohon di mana dia ingin tinggal) tidak boleh difahami oleh pemohon.

Oleh kerana perbuatan pertanyaan tidak dinyatakan di belakang perintah (Ex.MJMA-4) tidaklah bermakna pertanyaan itu tidak dibuat oleh Narander Singh. Untuk pengesahan perbuatan memberitahu terma-terma perintah dan serahan salinan perintah kepada pemohon, tempatnya telah disediakan di belakang perintah itu, tapi tempat untuk pengesahan pertanyaan soalan di mana pemohon ingin tinggal di tempat sekatan tidak disediakan. Sebaik-baiknya tempat dia telah membuat pertanyaan itu adalah mencukupi untuk mematuhi s. 3(i) Akta itu.

Waran Tangkap telah diterang dalam Bahasa Kantonis kepada pemohon juga tidak bermakna pemohon tidak faham, langsung Bahasa Malaysia. Waran tangkap diterangkan dalam bahasa pemohon sendiri kerana pelaksanaan Waran Tangkap melibatkan hak-hak seseorang dibawah Perlembagaan dan adalah wajar diterangkan dalam bahasanya sendiri walaupun dia faham Bahasa Malaysia. Penginapan pemohon di Hotel di Kemaman juga bukanlah satu bukti yang dia tidak ditanya di mana dia hendak tinggal di Kemaman. Saya percaya dia tidak beritahu tempat yang dia ingin tinggal apabila ditanya. Warisnya tidak tinggal di Kemaman. OLeh sebab itu apabila Ketua Inspektor Koh Siang Bong dan eskot bersama pemohon sampai di Kemaman pada 17 Jun 1992, jam 6.45 petang pemohon telah dibebaskan di Bandaran Kemaman (afidavit Enc.13). Pemohon sendiri yang memilih hotel sebagai tempat tinggal sementaranya.

Oleh sebab-sebab di atas, permohonan pemohon ditolak dengan kos.